



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## CIRI-CIRI KEPIMPINAN DAN KESANNYA DALAM *TUHFAT AL-NAFIS* KARYA RAJA ALI HAJI BERDASARKAN TEORI TAKMILAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHAMAD AMIRUL HASRAF BIN MOHD YUSOF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## CIRI-CIRI KEPIMPINAN DAN KESANNYA DALAM *TUHFAT AL-NAFIS* KARYA RAJA ALI HAJI BERDASARKAN TEORI TAKMILAH

MOHAMAD AMIRUL HASRAF BIN MOHD YUSOF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/PBS-380/12  
Per. 50 m/s VI

Siswa (N)  
 Kartas Projek  
 Sarjana Pemerkeluan  
 Sarjana Pemerkeluan dan Kerja Kortas  
 Doktor Falsafah



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) SEPTEMBER (bulan) 2022

**I. Perakuan pelajar :**

Saya, MOHAMAD AMRUL HAZRIF BIN MOHD YUSOF, M2093001548, F&K (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk CIRI-CIRI KEPIMPINAN DAN KERJAWAHA DALAM TUHFAT AL-NAFIS KARYA RAJA ALI HAJI BERDASarkan TEORI TAKWILAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

upsi

**II. Perakuan Penyelia:**

Saya, PROF. MADYA DR NORAZIMAH BT ZAKARIA (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk CIRI-CIRI KEPIMPINAN DAN KERJAWAHA DALAM TUHFAT AL-NAFIS KARYA RAJA ALI HAJI BERDASarkan TEORI TAKWILAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazah SARJANA KESUFISTERAN MELAYU (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15-9-2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. NORAZIMAH BT ZAKARIA  
 PENSYARAH KAHAN  
 FAKULTI BAHASA DAN KULTUR  
 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
[norazimah@upsi.edu.my](mailto:norazimah@upsi.edu.my)





UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
جامعة السلطان عبد العزیز

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: CIRI-CIRI KEPIMPINAN DAN KEPADA NYA DALAM TUFAT AL-NARAS KARYA RAJA ALI HAJI BERDASARAN TEORI TARMIUN

No. Matrik / Matric's No.: M20192001548

Saya / I : MOHAMAD ANWARUL HASRAF BIN MOHD YUSOF

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-



**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.



**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 15-9-2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. DR. NORAZIMAH BT ZAINI  
PENSYARAH KAHAN  
FAKULTI BAHASA DAN KOGNITIF  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
norazimah@fik.upsi.edu.my

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dalipeda pihak berkewajibhan/organisasai berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Note: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction*





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah kerana dengan izin-Nya sahajalah saya dapat menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat dan sahabat-sahabat Baginda.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ayahanda Mohd Yusof bin Mat Arshad dan Bonda Che Mah binti Che Jim kerana sentiasa mendoakan kecemerlangan dan memberi sokongan sepanjang anaknya belajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dalam pada itu, tidak dilupakan penghargaan kepada Mak Long Minah. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada ahli keluarga abang dan kakak tercinta iaitu Noordin, Norzita, Nizali, Norziyana, Abdul Halim, Norzinani, Mohd Yazrey, Suryati, Mohd Yusri, Izwan Fariez, Nor Munirah, Norhafizan, Mohd Rahimi dan Allayarhamah Saa'dah. Apresiasi khas juga ditujukan kepada Cikgu Hamzah Zakaria, Almarhumah Cikgu Sazrina (*Allahhummaghfirlahu warhamha*), Profesor Madya Dr. Norazimah Zakaria selaku penyelia atas sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan. Demikian juga kepada Dr. Nordiana Hamzah, Cikgu Anisah, Almarhum PM Tuan Hj. Md Khair (*Allahhummaghfirlahu warhamhu*), guru-guru, pensyarah dan staf di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, warga SMK RLKT Lasah, Sungai Siput, Perak dan SMK Taman Desaminium, Seri Kembangan, Selangor.

Ribuan terima kasih kepada rakan seperjuangan, Sarah, Ellavarasan, Siti Aisyah di atas kerjasama dalam membantu menyiapkan kajian ini. Saya juga berharap agar kajian ini menjadi dorongan semangat untuk belajar kepada anak-anak saudara saya Nursyafiqah, Safieudin, Saiful Zaini, Najwa, Saiful Zaquan, Iris, Aleanor, Marissa, Adib Hadif, Ammar Syazani, Amsyar Iman, Fariesya, Firas Haris, Faeeq dan Feeq. Akhir sekali, atas keprihatinan semua kami serahkan kepada Allah SWT untuk membalas segala budi baik dengan ganjaran kebaikan juga. Terima kasih.





## ABSTRAK

Kajian dijalankan untuk mengkaji ciri-ciri kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji, menghuraikan ciri-ciri kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* berdasarkan Teori Takmilah dan menganalisis kesan kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan dan analisis kandungan teks. Analisis naskhah ini secara deskriptif berdasarkan Teori Takmilah berpandukan prinsip kedua iaitu Prinsip Kerasulan sebagai Insan *Kamil*. *Tuhfat al-Nafis* mengandungi peristiwa-peristiwa kerajaan Melayu di Semenanjung Melayu, Kepulauan Riau-Lingga, Siak, Kalimantan Barat, Sulawesi Selatan dan Betawi. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat pemimpin yang mengamalkan ciri-ciri kepimpinan berakhlik baik seperti adil, kuat beribadah dan menghubungkan silaturrahim. Terdapat pemimpin menggunakan ciri-ciri kepimpinan seperti *siddiq*, *amanah*, *tabligh* dan *fatanah*. Dapatkan juga menunjukkan kesan amalan ciri-ciri kepimpinan di atas menjadikan negeri aman damai, hasil ekonomi makmur, mendamaikan pertelingkahan dan mengalahkan musuh. Kesimpulan kajian ini menunjukkan ciri-ciri kepimpinan dan kesannya yang menepati Teori Takmilah. Implikasi kajian ini diharapkan memberi panduan dalam menganalisis aspek-aspek kepimpinan dalam teks sastera sejarah.





## THE CHARACTERISTICS OF LEADERSHIP IN TUHFAT AL-NAFIS WRITTEN BY RAJA ALI HAJI BASED ON TAKMILAH THEORY

### ABSTRACT

A study was conducted to examine the characteristics of leadership in a manuscript entitled *Tuhfat al-Nafis* written by Raja Ali Haji. The objectives of this study are to identify the characteristics of leadership, describe the characteristics of leadership in the manuscript based on *Takmilah Theory* and analyse the effects of leadership in *Tuhfat al-Nafis* by Raja Ali Haji. This qualitative study was conducted using literature review and text content analysis. The analysis of this manuscript is descriptively based on *Takmilah Theory* on the second principle, which is the *Principle of Apostleship as a Perfect Man*. The content of the manuscript is mainly on the events of the Malay kingdom in the Malay Peninsula, Riau-Lingga Islands, Siak, West Kalimantan, South Sulawesi and Betawi. The findings of the study show that there were leaders who practiced the characteristics of good moral leadership such as fairness, strong in worship and friendship. The leaders used leadership characteristics such as *siddiq*, *amanah*, *tabligh* and *fatanah*. The findings show the positive effects of practising the leadership characteristics as mentioned above to make sure the state is in peaceful condition, economically prosperous, reconcile disputes and can defeat the enemies. The conclusion of this study shows that the characteristics of leadership and its effects are in line with *Takmilah Theory*. The implications of this study are expected to provide guidance in analyzing aspects of leadership in historical literary texts.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
------------------------------------	----

<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
---	-----

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
--------------------	----

<b>ABSTRAK</b>	v
----------------	---

<b>ABSTRACT</b>	vi
-----------------	----

<b>KANDUNGAN</b>	vii
------------------	-----



<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
----------------------	-----

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
--------------------------	------

<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
-------------------------	-----

<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
--------------	--------------------	---

1.1	Pengenalan	1
-----	------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	4
-----	-----------------------	---

1.3	Permasalahan Kajian	6
-----	---------------------	---

1.4	Objektif Kajian	8
-----	-----------------	---

1.5	Soalan Kajian	8
-----	---------------	---

1.6	Kepentingan Kajian	9
-----	--------------------	---





1.7 Batasan Kajian	9
1.7.1 Pemilihan Karya	10
1.7.2 Pemilihan Pengarang	10
1.8 Definisi Operasional	11
1.8.1 Kepimpinan	12
1.8.2 Sastera Sejarah	14
1.8.3 <i>Tuhfat al-Nafis</i>	15
1.8.4 Teori Takmilah	16
1.9 Kaedah Kajian	17
1.10 Rumusan	17

**BAB 2****TINJAUAN LITERATUR**

18



2.1 Pengenalan	18
2.2 Kajian Kepimpinan	18
2.3 Kajian Teks Sastera Sejarah	25
2.4 Kajian Lepas Manuskip <i>Tuhfat Al-Nafis</i>	33
2.5 Kajian Teori Takmilah	36
2.6 Rumusan	40

**BAB 3****METODOLOGI KAJIAN**

41

3.1 Pengenalan	41
3.2 Reka Bentuk Kajian	41
3.2.1 Kajian Kepustakaan	42
3.2.2 Kajian Analisis Teks	43





3.3 Instrumen Kajian	44
3.3.1 Analisis Data	45
3.4 Kerangka Teori	46
3.4.1 <i>Teori Takmilah</i> (Shafiee Abu Bakar)	46
3.5 Prinsip Kedua : Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil.	50
3.5.1 Prinsip Kerasulan : Sifat-sifat Wajib bagi Rasul	53
3.5.2 Siddiq	54
3.5.3 Amanah	55
3.5.4 Tabligh	58
3.5.5 Fatanah	60
3.5.6 Nilai-Nilai Akhlak mengikut Prinsip Kerasulan	61
3.5.7 Justifikasi Prinsip Kerasulan bersifat Kamil	64
3.6 Rumusan	65
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	66
4.1 Pengenalan	66
4.2 Ciri-ciri kepimpinan dalam <i>Tuhfat al-Nafis</i>	66
4.2.1 Ciri kepimpinan adil	67
4.2.2 Ciri kepimpinan mempunyai kekuatan	69
4.2.3 Ciri kepimpinan Kuat beribadah	70
4.2.3.1 Ciri kepimpinan mempunyai akhlak yang baik: Menjaga hubungan silaturahim.	72
4.2.3.2 Ciri kepimpinan Pemurah	73





4.3	Ciri-ciri kepimpinan dalam <i>Tuhfat al-Nafis</i> berdasarkan Teori Takmilah	75
4.3.1	Ciri Kepimpinan <i>Siddiq</i> : Menunaikan janji	75
4.3.1.1	Ciri kepimpinan <i>siddiq</i> bercakap benar	84
4.3.2	Ciri Kepimpinan Amanah Menjaga Keselamatan Negeri dan Rakyat.	88
4.3.2.1	Ciri kepimpinan amanah membaiki negeri.	102
4.3.2.2	Ciri kepimpinan amanah menunaikan wasiat	108
4.3.3	Ciri kepimpinan <i>tabligh</i>	111
4.3.3.1	Ciri kepimpinan <i>tabligh</i> menyebarkan syiar Islam	111
4.3.3.2	Ciri kepimpinan <i>tabligh</i> nasihat untuk menghentikan pertelingkahan	117
4.3.3.3	Ciri kepimpinan <i>tabligh</i> nasihat dalam urusan pentadbiran dan politik	121
4.3.4	Ciri kepimpinan <i>fatanah</i>	128
4.3.4.1	Ciri kepimpinan <i>fatanah</i> dalam aturan melantik pemimpin	128
4.3.4.2	Ciri kepimpinan <i>fatanah</i> mengatur strategi peperangan	142
4.3.4.3	Ciri kepimpinan <i>fatanah</i> mengutamakan <i>musyawwarah</i>	149
4.3.4.4	Ciri kepimpinan <i>fatanah</i> menjalinkan hubungan diplomatik.	156
4.4	Kesan kepimpinan dalam <i>Tuhfat al-Nafis</i> karya Raja Ali Haji	160
4.4.1	Kesan Kepimpinan <i>Siddiq</i> : Melangsaikan hutang	160





4.4.1.1	Kesan pelanggaran ciri kepimpinan <i>siddiq</i>	163
4.4.2	Kesan Ciri Kepimpinan Amanah: Negeri Menjadi Aman	165
4.4.2.1	Kesan Ciri Kepimpinan Amanah Meningkatkan Ekonomi	168
4.4.3	Kesan Ciri Kepimpinan <i>Tabligh</i>	172
4.4.3.1	Kesan kepimpinan <i>tabligh</i> mendamaikan pertelingkahan	172
4.4.4	Kesan amalan ciri kepimpinan <i>fatanah</i>	175
4.4.4.1	Melancarkan urusan pelantikan pemimpin	175
4.4.4.2	Kesan amalan ciri kepimpinan <i>fatanah</i> mengalahkan musuh	184
4.4.4.3	Kesan amalan ciri kepimpinan <i>fatanah</i> : Memelihara kedaulatan negeri	191
4.4.4.4	Mengukuhkan hubungan kerajaan.	193
4.5	Rumusan	199
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	200
5.1	Pengenalan	200
5.2	Dapatan Kajian	201
5.3	Kebaharuan	205
5.4	Cadangan	206
5.5	Rumusan	207
<b>RUJUKAN</b>		208
<b>LAMPIRAN</b>		213





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Kajian	44
3.2 Rajah Takmilah, 1997.	49
3.3 Prinsip Kedua Teori Takmilah: Prinsip Kerasulan sebagai Kamil	53





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

## SENARAI SINGKATAN

**SWT** Allah Subhanahu Wataala

**SAW** Nabi Sallallahhu Alaihi Wasallam



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiV

## SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian
- C Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
- D Jadual Analisis Dokumen Teks



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sastera sejarah terdiri daripada *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Banjar*, *Sejarah Melayu*, *Misa Melayu* dan *Sejarah Riau*. Kira-kira 5000 naskhah prosa Melayu lama yang telah terkumpul di merata dunia dan dalam jumlah itu kira-kira 50 hingga 60 terdiri daripada sastera sejarah (Ismail Hussein, 1974). Menurut Norazimah Zakaria (2016), sastera sejarah dianggap sebagai genre “baharu” dalam warisan sastera Melayu tradisional. Sastera sejarah dikatakan muncul selepas kedatangan Islam iaitu kurun ke-14 hingga ke-15 melalui perkembangan tulisan jawi. Tujuan penghasilan karya sastera sejarah untuk memastikan nama dan pemerintahan raja masyhur dalam kalangan rakyat. Bertepatan dengan Ding Choo Ming (2003) menyatakan perkembangan sastera Melayu tradisional tidak dapat dipisahkan daripada peranan istana, raja-raja dan kaum elit masa itu. Mereka memberi peluang kepada pujangga untuk mengarang. Hasilnya, karya yang lahir di istana berperanan untuk raja mempertahankan kedudukan sebagai pemerintah dan santapan rohani mereka. Kita





dapat lihat setiap pemerintah mengarahkan para pujangga istana mengembangkan karya-karya manuskrip yang baharu untuk mempengaruhi rakyat bawahan. Tujuan karya itu ditulis juga untuk memberi maklumat tentang raja-raja pada masa itu kepada anak cucu dan rakyat pada masa akan datang (Zalila Sharif & Jamilah Hj. Ahmad, 2003). Petikan berikut mengukuhkan lagi tujuan kepengarangan sastera sejarah;

Adapun yang aku perbuat ini sekadarkan hendak menyatakan peraturan yang jatuh pada perjalanan antara perjalanan raja-raja Melayu dengan raja-raja Bugis, tatkala pada masa raja-raja sebelah Johor dengan raja-raja sebelah Pulau Perca. (Tuhfat al-Nafis, 1965:2)

Berdasarkan petikan “hendak menyatakan peraturan yang jatuh pada perjalanan antara perjalanan raja-raja Melayu dengan raja-raja Bugis,” menunjukkan mustahak untuk pengarang mengangkat salasilah raja-raja untuk menghegemoni rakyat ketika itu.

Dalam sastera sejarah muncul pengarang unggul yang menjadi rujukan sarjana tempatan dan Barat iaitu Raja Ali Haji. Pengarang ini memainkan peranan besar dalam mencipta karya sastera sejarah yang kemas dan naratif yang dikatakan memenuhi sebahagian ciri penulisan pensejarahan moden. Virginia Matheson Hooker bertindak mengkaji kepengarangan Raja Ali Haji melalui teks *Tuhfat al-Nafis*. Hendrik M.J Maeir (2001) mengungkapkan Raja Ali Haji penulis *Tuhfat al-Nafis*, adalah pengarang Melayu yang pertama kita tahu lebih sedikit mengenainya, melalui penerbitan surat-menurut peribadi beliau dengan sarjana yang lahir di Jerman yang terkenal, Von De Wall.

Secara keseluruhannya, naskhah *Tuhfat al-Nafis* meliputi peristiwa dari awal abad ke-17 hingga pertengahan abad ke-19. Latar peristiwa-peristiwa dalam naskhah ini sekitar kerajaan Melayu di Semenanjung Melayu dan di Kepulauan Riau-Lingga (termasuk Singapura), di Siak (Sumatera Timur), di Kalimantan Barat, di Sulawesi



Selatan dan peristiwa di Betawi (Jakarta). Karya ini merakamkan lebih daripada sepuluh episod peperangan Riau-Siak dalam naratif pengarang yang amat mementingkan kronologi.

Ciri-ciri kepimpinan disuratkan Raja Ali Haji mengangkat soal kepimpinan raja yang perlu menyempurnakan tuntutan agama Islam dan menjunjung hukum Allah *Subhanahu Wa Taala* (SWT). Peristiwa ini diangkat melalui Yang Dipertuan Muda Riau pada abad ke-19. Raja dikatakan sebagai pelindung kepada agama Islam. Namun begitu, terdapat juga rakaman peristiwa-peristiwa pelanggaran ciri-ciri kepimpinan yang baik seperti Sultan Mahmud mengabaikan pentadbirannya di Lingga dan penentangan pasukan Belanda di Melaka. Kuasa kepimpinan jelas diangkat pada pertengahan abad kedelapan belas, Raja Ali Haji seorang pahlawan keturunan Bugis (bapanya) dan puteri Melayu (ibunya) mendamaikan politik dalam kerajaan dan mengalahkan musuh luar kerajaan. Raja Ali Haji turut memberi gambaran kuasa kepimpinan Belanda yang menguasai perdagangan Riau-Lingga.

Kajian ini bertujuan mengesan ciri-ciri kepimpinan melalui aplikasi Teori Takmilah. Melalui prinsip-prinsip dalam Tamilah, kajian ini menganalisis ciri-ciri dan kesan kepimpinan yang terdapat dalam karya historiografi *Tuhfat al-Nafis*. Aspek kepimpinan yang perlu berpaksikan ajaran Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi Wasallam* (SAW) sebagai insan *Kamil* dengan sifat wajib bagi Rasul *siddiq, amanah, tabligh* dan *fatanah*. Naskhah ini turut dikaji berkaitan kepimpinan yang berpaksikan keadilan, kuat dan berakhhlak baik. Dalam karya ini, ciri-ciri kepimpinan yang mendekati cara kepimpinan diajarkan Nabi SAW menjadi penilaian penting. Tambahan, kesan amalan kepimpinan kepada kerajaan, negeri dan rakyat menjadi tumpuan kajian.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Umumnya, kajian ini menggunakan teks *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji. Pengarang unggul ini dilahirkan pada tahun 1809 di Pulau Penyengat, di Kepulauan Riau. Susur galur keturunannya daripada keluarga Bugis dan Melayu yang berkuasa di Johor. Istana merupakan institusi ilmu bagi Raja Ali Haji kerana disitu beliau diberi didikan agama seperti membaca *al-Quran*, *fardhu ain*, *usuludin* dan mengisi masanya dengan menulis. Kepengarangan Raja Ali Haji diperoleh hasil dorongan bapanya, Raja Ahmad. Mardiana Nordin (2001) menyatakan Raja Ahmad pernah membawa Raja Ali Haji bersama-sama ke Mesir untuk menuntut dan mendalami ilmu ketika Raja Ali Haji berusia 19 tahun. Asuhan sebegini menjadikan Raja Ali Haji telah menghasilkan karya-karya yang disegani dalam bidang agama, bahasa, kesusastraan, sejarah dan politik.

*Tuhfat al-Nafis* merupakan naskhah historiografik yang menjadi rujukan penting dalam menulis sejarah negeri-negeri dan aspek pentadbiran negara. Mardiana Nordin (2001) dalam meringkaskan naskhah ini menemukan *Tuhfat al-Nafis* meliputi kira-kira seribu tahun lamanya iaitu dari zaman turunnya Seri Teri Buana di Bukit Siguntang membuka Temasik (Singapura) dan berakhir hingga Tun Abu Bakar dilantik sebagai Temenggung Johor menggantikan bapanya. Naskhah ini turut menggarap susur galur raja-raja Melayu Melaka yang membina kerajaan Melayu Melaka seterusnya raja-raja Johor sehingga tahun 1699. Hakikatnya pada awal penceritaan naskhah ini membuktikan Raja Ali Haji menjadikan teks *Sulalatus Salatin* sebagai kanon. Episod-episod peperangan dan perihal pentadbiran dalam dirakamkan dengan merujuk sumber-sumber yang pelbagai.



Kajian ini menumpukan ciri-ciri kepimpinan dan kesannya kepada pemerintahan dalam kerajaan ataupun negara. Isu kepimpinan menjadi cabaran untuk menyesuaikan kepelbagaiannya permasalahan rakyat dalam mentadbir negara. Perkara ini sebenarnya tidak menjadi masalah sekiranya seseorang pemimpin memiliki tahap pengetahuan dan kesediaan dalam konsep kepimpinan Islam yang baik untuk mengurus, mentadbir, menyelesaikan urusan negara sekaligus dapat menghegemoni pengikutnya. Abdul Wahab Zakaria (1992) dalam menjelaskan konsep kepimpinan Islam memetik Imam Syafi'iy yang berkata bahawa Allah SWT telah berfirman:

“Hai Dawud! Sesungguhnya kami menjadikan kamu (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) diantara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikut hawa nafsumu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan.”  
(Surah Sad, 38:26)



Imam Syafi'iy mengutarakan konsep kepimpinan Islam yang adil. Dalam membahaskan konsep ini Imam Syafi'iy berpendapat sesuatu hukum yang ingin diputuskan hendaklah adil. Dalam konteks ini, Imam Syafi'iy memetik potongan ayat al-Quran iaitu Allah SWT telah berfirman kepada Nabi-Nya S.A.W untuk menjalankan hukuman yang diturunkan oleh Allah SWT dan meletakkan Nabi-Nabinya daripada agama dan umat-Nya mengikut keterangan dari kitab Allah iaitu apa yang dikehendaki Allah dan mewajibkan taat kepadanya (Nabi).

Allah S.W.T berfirman dalam ayat yang lain:

“Maka demi Tuhanmu (mereka pada hakikatnya) tidak beriman sehingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan.”  
(Surah al-Nisa, 4:65)





Kepimpinan mestilah digerakkan dengan iman dan amal soleh. Pengurusan pentadbiran kebijakan, ekonomi, ilmu pengetahuan, politik dan kemasyarakatan perlu bertunjangkan iman dan soleh. Hal ini bagi mengelakkan daripada mendahuluikan kepentingan diri, kedudukan, kemewahan, tidak kolektif dan lemah. Keimanan kepada Allah dan Rasul menjadi perkara yang paling penting.

Secara mudahnya, kajian ini akan membuktikan terdapat ciri-ciri kepimpinan yang diamalkan oleh pemerintah dan kesan kepada pemerintahannya. Prinsip kepimpinan sesuai dikaji bersama keunggulan teks *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji berpandukan Teori Takmilah. Kajian ini memberi fokus ciri-ciri kepimpinan yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai insan Kamil sebagai panduan kepimpinan ideal dan yang diamalkan dalam kalangan pemerintah daripada teks ini.

Keupayaan seorang pemimpin dapat dikesan melalui amalan dan strategi kepimpinan, ideologi dan negara. Justeru, seseorang pemimpin perlu mengamalkan ciri-ciri kepimpinan yang berkesan, teratur, bersistem, optimum dan memanfaatkan segala komponen penguasaan.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Menurut Norazimah Zakaria (2018) kepimpinan dalam teks sastera sejarah mengetengahkan aspek akhlak pemimpin. Hal ini menjadi titik tolak dalam kajian ini kerana ciri-ciri kepimpinan berkait akhlak pemimpin. Untuk melaksanakan tugas dengan efektif, pemimpin perlu mempunyai kemahiran dan keperibadian yang berkualiti di samping pengetahuan dalam bidangnya. (Male, 2006). Dalam *Tuhfat al-Nafis* terdapat perihal pemimpin yang berakhhlak mulia, membawa prinsip keadilan, bijaksana dan mentaati Allah SWT. Namun terdapat pemimpin yang membelakangkan



prinsip ini dan mencetuskan huru hara kepada negeri dan rakyat. Mohammad Mujaheed Hassan (2018) menjelaskan masalah kepimpinan mula timbul seiring dengan permulaan sejarah manusia, iaitu sejak manusia mula sedar tentang pentingnya hidup berkelompok untuk mencapai tujuan bersama. Melalui *Tuhfat al-Nafis* terdapat peristiwa kerakusan pemerintah yang sanggup mencetuskan perang saudara demi merebut kekuasaan dalam wilayahnya. Terdapat juga peristiwa Sultan Mahmud yang mengabaikan pentadbirannya di Lingga bermain-main di Singapura.

Akhlik pemimpin yang tidak mengikut landasan Islam menerima konsep pembalasan di dalam teks. Dalam *Sulalatus Salatin* misalnya, kerana melanggar *waadat* seperti yang telah dimeterai dalam perjanjian raja dan rakyat, pemerintahan seseorang pemimpin dikesan tidak berfungsi dengan baik. Konsep ini masih menjadi rujukan pengarang dalam mengisahkan setiap pemimpinnya kerana berlaku huru hara dan kacau bilau peperangan dalam kalangan pemerintah yang tidak menurut syariat Islam. Manakala pemerintah yang menurut perintah Islam kerajaannya digambarkan sebagai aman dan makmur, ekonomi baik, barang murah dan rakyat selesa.

Oleh itu, penelitian ini dilakukan dengan menggunakan teori Takmilah bagi melihat ciri-ciri kepimpinan sama ada menepati konsep Prinsip Kerasulan bersifat Kamil dengan merujuk teks *Tuhfat al-Nafis*. Ciri-ciri kepimpinan berdasarkan perlu diberi interpretasi untuk memandang motif yang ingin disampaikan oleh pengarang iaitu memberi mesej pengajaran kepada pembaca.

Kajian kesusasteraan sastera sejarah sering ditumpukan kepada aspek struktural teks seperti proses kreatif, sinopsis dan stail kepengarangan. Hakikatnya, dalam kepengarangan terdapat gagasan idea penting yang ingin disampaikan pengarang



kepada pembaca. Kebanyakan analisis genre ini seolah-olah terikat kepada pengarang dan struktur teks. Aspek kepimpinan kurang diberi perhatian hingga tidak dilihat sebagai satu permasalahan dalam kajian. Ciri-ciri kepimpinan penting memberi petunjuk dalam tindakan seseorang pemimpin dalam setiap zaman.

#### 1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji,
- 1.4.2 Menghuraikan ciri-ciri kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* berdasarkan Teori Takmilah,
- 1.4.3 Menganalisis kesan kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji.



#### 1.5 Soalan Kajian

- 1.5.1 Apakah ciri-ciri kepimpinan diperlihatkan dalam *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji,
- 1.5.2 Bagaimanakah ciri-ciri kepimpinan diperlihatkan dalam *Tuhfat al-Nafis* berdasarkan Teori Takmilah,
- 1.5.3 Apakah kesan kepimpinan diperlihatkan dalam *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji.





## 1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat mengetengahkan manuskrip sastera sejarah dalam aspek kepimpinan. Hal ini penting sebagai khazanah ilmu kepada masyarakat mengenai ciri-ciri kepimpinan pemerintah suatu ketika dahulu. Kajian ini penting untuk meningkatkan pengetahuan sama ada kekuasaan pemerintah ketika itu berlandaskan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik dan kesannya kepada negara. Kepengarangan *Tuhfat al-Nafis* oleh Raja Ali Haji dikatakan lebih canggih dan keluar daripada kebiasaan. Hasil kajian ini menyumbang kepada beberapa aspek berikut;

- i. Hasil kajian ini dapat mendorong mengetahui ciri-ciri kepimpinan dalam *Hikayat Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji,
- ii. Hasil kajian ini dapat mendorong mengetahui ciri-ciri kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis* berdasarkan Teori Takmilah,
- iii. Hasil kajian ini dapat mendorong mengetahui kesan kepimpinan dalam *Hikayat Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji.

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini memberi penekanan terhadap ciri-ciri dan kesan kepimpinan dalam *Tuhfat al-Nafis*. Batasan kajian ini terarah kepada pengumpulan data kedua-dua konsep ini sahaja. Kajian ini membataskan teks *Tuhfat Al-Nafis* karya Raja Ali Haji. Dalam kajian ini Teori Takmilah digunakan dengan hanya membataskan prinsip kedua iaitu Prinsip Kerasulan bersifat *Kamil*. Tujuan membataskan prinsip kedua dalam Teori Takmilah



kerana prinsip ini sesuai untuk memahami ciri-ciri kepimpinan yang diamalkan oleh pemerintah dalam *Tuhfat Al-Nafis*.

### 1.7.1 Pemilihan Karya

Kajian ini menumpukan gagasan idea berkaitan ciri-ciri kepimpinan dan kesannya dalam genre sastera sejarah *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji. Karya ini mencapai taraf antarabangsa dan menjadi pilihan sarjana di dalam dan luar negara. *Tuhfat al-Nafis* ditulis pada 1865 Masihi mempunyai 473 halaman. Judul ini jika diterjemah bermaksud “*Sebuah Hadiah yang Bermakna*” atau “*The Precious Gift*”. Laras bahasa teks ini mudah difahami, mementingkan kronologi dan pentarikhan yang tepat. Mardiana Nordin (2001) merumuskan karya ini memenuhi sebahagian besar ciri-ciri pensejarahan moden. Pengkisahan dalam karya ini merupakan tempoh masa yang panjang. Sebahagian daripada pecahan bab ini menceritakan salasilah raja-raja Melayu, salasilah Raja Siak, salasilah Bugis, salasilah Raja Kecil, Bugis di Mempawah dan banyak lagi. Kajian ke atas naskhah sastera sejarah ini dibuat untuk mengesan kewujudan ciri-ciri kepimpinan dan kesan kepada pemerintahnya.

### 1.7.2 Pemilihan Pengarang

Kajian ini memilih pengarang Raja Ali Haji yang merupakan pujangga di istana Riau. Raja Ali Haji atau Raja Ali bin Raja Ahmad bin Raja Haji bin Daeng Chelak bin Daeng Melaka dibesarkan dalam keluarga istana berketurunan raja di sebelah Bugis. Mardiana



Nordin (2001) berpendapat Raja Ali Haji dilahirkan pada 1809 di Pulau Penyengat, di sebuah pulau yang terletak di Kepulauan Riau. Kepengarangan Raja Ali Haji dikesan merujuk sumber-sumber tulisan dan lisan. Walaupun tidak dinyatakan secara nota kaki akan rujukannya namun Raja Ali Haji teliti dalam memilih sumber-sumber. Raja Ali Haji menjadi pilihan kajian kerana cermat dalam penggunaan sumber, memanfaatkan pelbagai sumber dan penggunaan tarikh yang tepat. Muhammad Yusof Hashim (1992) menjelaskan penggunaan tarikh oleh Raja Ali Haji telah dilakukan semenjak seratus sembilan puluh enam tahun sebelum dikarang *Tuhfat*. Susunan peristiwa dikatakan mengikut kronologi disusuli dengan tarikh-tarikh yang lengkap. Jelaslah, Raja Ali Haji menggunakan sebahagian besar keintelektualannya dalam proses kepengarangan. Kajian ini memilih Raja Ali Haji yang merupakan permata berharga bagi sarjana tempatan dan antarabangsa merujuk teks sastera sejarah. Ciri-ciri kepimpinan dan kesannya yang digarap pengarang merupakan subjek kajian yang dianggap tepat untuk memenuhi kajian ini.

## 1.8 Definisi Operasional

Bagi menganalisis kajian ini, beberapa perkataan di tajuk kajian diberi pendefinisian. Kajian ini melibatkan penggunaan beberapa istilah dan konsep yang perlu dijelaskan secara tuntas. Pendefinisian dilakukan bagi istilah *kepimpinan*, *sastera sejarah*, *Tuhfat al-Nafis* dan *Teori Takmilah*



### 1.8.1 Kepimpinan

Lussier & Achua (2007) mentakrifkan kepimpinan kepada lima dimensi iaitu pengaruh, objektif organisasi, hubungan pemimpin-pengikut, perubahan dan hubungan dengan orang ramai. Pemimpin dikategorikan dengan peranan tanggungjawab memimpin peranan interpersonal, peranan informasi atau maklumat dan peranan pembuatan keputusan. Pemimpin adalah penggabal cipta visi dan misi organisasi yang dipimpinnya serta mencipta strategi-strategi bagi mencapainya (Ainon, 2011). Secara mudahnya, kepimpinan boleh difahami sebagai gelaran yang diberikan kepada orang yang berada di tempat pemimpin seperti pemimpin parti politik atau organisasi yang berupaya memimpin atau mengarah sesebuah kumpulan atau organisasi.

Kepimpinan dianggap sebagai keperluan dalam menangani isu-isu kehidupan negara dan rakyat. Seseorang pemimpin perlu memiliki tahap pengetahuan dan kesediaan dalam konsep kepimpinan Islam yang baik untuk mengurus, mentadbir, menyelesaikan urusan negara sekaligus dapat menghegemoni pengikutnya.

Konsep kepimpinan Rasulullah SAW yang mendasari segala pentadbirannya menjadi ukuran kajian. Keupayaan pemimpin menuruti acuan kepimpinan yang dibawa oleh Rasulullah SAW diberi tumpuan dalam kajian ini. Kepimpinan Rasulullah SAW telah membawa perubahan atau mobiliti sosial yang lebih baik kerana Baginda merupakan seorang pemimpin yang baik dan dekat dengan Tuhan. Baginda membawa pengaruh unggul dengan prinsip kepimpinan yang mempunyai niat, taqwa, kesyukuran, syura, amanah, tadbir urus yang cekap, peka dan prihatin, ketepatan tujuan dan wawasan yang jelas untuk ummah. Nor Anisah Abu Hanafiah & Razaleigh Muhamat@Kawangit yang memetik dalam Mohamad (2008), menyatakan Rasulullah

SAW memenuhi kepimpinan transformasi pertimbangan individu (*individual consideration*) apabila memahami keperluan dan perbezaan peribadi setiap pengikut yang berbeza dan berubah dari masa ke masa. Baginda menekankan sikap toleransi, sabar, konsep kesamarataan, perbincangan individu dengan penuh adab dan tunjuk ajar yang berhemat, peka dan memberi tindak balas dalam setiap tingkat laku dan aktiviti pengikut serta mementingkan pencapaian pengikut.

Nurshahira Ibrahim, Fariza Md. Sham & Azman Ismail (2016) menjelaskan kepimpinan tranformasi Rasulullah SAW apabila berjaya mengubah peradaban zaman jahiliyyah ketika itu. Melalui sorotan sirah, sebelum Nabi Muhammad SAW diangkat menjadi rasul, keadaan moral ketika itu amat rendah dengan berleluasanya aktiviti perjudian, perzinaan, merampas harta, pembunuhan kejam dan penindasan.



Nur Sofia Nabila *et. al* (2018) menyatakan teras kepemimpinan dalam Islam adalah unsur-unsur *al-Quwwah* adalah kekuatan fikiran ('*aqliyah*), kekuatan jiwa (*nafsiyyah*), pengetahuan dan kekuatan fizikal. Secara ringkasnya, *al-Quwwah* ditakrifkan sebagai kemampuan untuk melaksanakan kepimpinan bersandarkan elemen pengetahuan dan kekuatan fizikal.

Idris Zakaria (1995) menjelaskan gagasan falsafah politik al-Farabi tertumpu kepada ketua negara itu sendiri. Kemajuan, kemunduran, kebahagiaan, sesebuah negara bergantung kepada kebolehan pemimpin sebagai tokoh utama negara. Al-Farabi menggariskan prinsip kepimpinan seperti kekuatan dan keutamaan baik mental, spiritual, dan fizikal. Pemimpin dikatakan lambang kepimpinan yang berkualiti tinggi malah contoh teladan seorang manusia yang mencapai tahap ilmu dan akhlak yang tinggi.

Konsep kepimpinan Rasulullah juga perlu dilihat dalam konteks sifat wajib bagi Rasul SAW iaitu *sidiq, amanah, tabligh* dan *fatanah*. Keempat-empat ini menjadi keutamaan penelitian ciri-ciri kepimpinan yang digabungkan dengan Teori Takmilah.

### 1.8.2 Sastera Sejarah

Teks-teks sastera sejarah menjadi salah faham orientalis Barat ketika melakukan penelitian dalam genre ini. A. Teeuw (1974) mencadangkan agar teks-teks sastera sejarah dibaca sebagai teks sastera dan bukan sejarah seperti yang difahami Barat pada abad ke-19. Orientalis tidak berupaya membezakan konsep sejarah pada orang Melayu ketika itu kerana terikat kepada istilah pada tajuk teks semata-mata. Ding Choo Ming (2003) menjelaskan penakrifan konsep “sejarah” pada orang Melayu masa dahulu lain dengan konsep kita terhadapnya sekarang. Hal ini dikukuhkan dengan pandangan Khoo Kay Kim;

*Until comparatively recently Malay historiography has been viewed rather unfavourably by historians. Part of the problem stems from the absence of a specific indigenous term for 'history'. Although the word *sejarah* (now the official term for history) has long existed in Malay vocabulary, *hikayat* was more widely used. Many historical works tended to focus on the genealogies of ruling families these were called *salasilah*. When history appeared in verse form, it was also known as *syair*. The term *hikayat* indeed tends to imply that, in traditional Malay thinking, history was not punctiliously distinguished from literature.*

Norazimah Zakaria (2016) menyenaraikan ciri-ciri sastera sejarah iaitu pertama hasil-hasil sastera sejarah menggembangkan unsur mitos, lagenda dan sejarah benar. Kedua, hasil penulisan sejarah yang mengemukakan sejarah dari segi peristiwa sebenar yang dicampurkan dengan tempat dan tokoh tertentu yang dikenali. Ketiga, sastera

sejarah yang mengemukakan jurai keturunan atau salasilah raja-raja Melayu tertentu. Sehubungan itu, naskhah *Tuhfat al-Nafis* telah memenuhi ciri-ciri sastera sejarah dan sebahagian pensejarahan moden. Proses kreatif Raja Ali Haji masih terikat dengan sumber-sumber dari kerajaan Riau, Lingga, Siak, Pontianak, Terengganu dan Selangor. Hal ini sering disebut oleh pengarang dalam *Tuhfat al-Nafis*. Sekalipun teknik Raja Ali Haji menggunakan sumber ini tidak sama dengan sejarawan-sejarawan moden, tidak menyenaraikan nota kaki mahupun bibliografi, namun terdapat sebilangan besar tulisan-tulisan di dalam karya tersebut menunjukkan Raja Ali Haji menggunakan sumber-sumber yang diperolehi dengan berhati-hati (Mardiana Nordin, 2001). Raja Ali Haji menggarap pada awal naskhah salasilah raja-raja Melayu dengan menjadikan *Sejarah Melayu* sebagai kanon. Dalam kepengarangan seperti inilah yang menggembangkan lagenda, sejarah benar dan kepelbagaiannya sumber yang tepat menjadikan naskhah ini masyhur dan berada pada tingkat genre sastera sejarah yang unggul.

### 1.8.3 *Tuhfat al-Nafis*

*Tuhfat al-Nafis* merupakan karya agung yang dikategorikan sebagai karya sastera sejarah. Manuskipi ini dikatakan yang paling kompleks dan canggih antara semua karya Melayu yang dikarang sebelum abad kedua puluh. Dari segi kronologi *Tuhfat al-Nafis* meliputi peristiwa dari abad ke-17 hingga pertengahan abad ke-19. Apabila diteliti naskhah *Tuhfat al-Nafis* mengandungi sejarah yang lebih ringkas daripada yang lain yang mementingkan kronologi.

#### 1.8.4 Teori Takmilah

Teori Takmilah diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar sebagai tuntutan menyempurnakan sifat keislaman dalam sastera. Shafie Abu Bakar (1996) menjelaskan *Takmilah* merupakan istilah yang berhubungkait dengan sifat “*Kamal*” Allah yang bererti sempurna. Manakala A.Halim Ali (2014) mentakrifkan Takmilah daripada kata akar *Kamal* yang bertalian dengan *Tajmilah* dan *Jamal*. *Takmilah* bererti penyempurnaan. Tambah A. Halim Ali lagi *Teori Takmilah* yang mengalurkan analisis yang bersifat *syumuliah* yang merangkumkan semua pihak dalam sastera iaitu pengkarya, karya dan khalayak kepada *al-Khaliq* yang menjadi puncak estetik dan bersifat hakiki. *Takmilah* boleh dianggap satu teori yang universal yang merangkumkan semua aspek kepengarangan ke dalam acuan Islam. Pada awalnya Shafie Abu Bakar dikesan mengemukakan tajuk “*Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid*”. Kemudian kertas kerja itu dimurnikan dengan rangka idea lanjutan sehingga menghasilkan *Teori Takmilah*. Shafie Abu Bakar (1996) mengutarakan tujuh prinsip seperti berikut;

- i. Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal
- ii. Prinsip Kerasulan yang bersifat Kamil
- iii. Prinsip Keislaman yang bersifat Akmal
- iv. Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul
- v. Prinsip sastera sendiri yang bercirikan estetik dan bersifat Takmilah
- vi. Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimalkan diri
- vii. Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil



## 1.9 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan dan analisis deskriptif berdasarkan Teori Takmilah prinsip kedua iaitu Prinsip Kerasulan yang bersifat Kamil. Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang berkaitan dengan pencarian maklumat-maklumat umum dengan kata kunci bagi sesuatu kajian. Kata kunci bagi kajian ini ialah *kepimpinan, sastera sejarah, Tuhfat al-Nafis* dan *Teori Takmilah*. Manakala kaedah analisis deskriptif pengkaji mendapat maklumat yang tepat dan terarah dengan menggunakan instrumen analisis senarai semak dokumen.

## 1.10 Rumusan



Bab pertama ini membincangkan kepentingan kajian, batasan kajian, konsep, dan istilah yang diguna pakai dalam kajian, objektif kajian dan kaedah kajian. Maklumat-maklumat yang diperolehi telah memudahkan kajian dijalankan secara sistematik dan lancar. Bab ini juga akan mengenal pasti kajian-kajian ciri kepimpinan dalam manuskrip sastera sejarah. Kajian ini menumpukan ciri-ciri dan kesannya dalam manuskrip *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji bersandarkan *Teori Takmilah*. Menerusi kajian ini akan membuktikan amalan ciri-ciri kepimpinan dan kesannya kepada kerajaannya.

